Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH) (e-ISSN : 2504-8562)
2023, Volume 8, Issue 7, e002360
DOI: https://doi.org/10.47405/mjssh.v8i7.2360

Persepsi, Sikap dan Tanggapan Ibu Bapa Terhadap Bidang Kerjaya Keusahawanan

(Parent's Perception, Attitude, And Responses Towards Entrepreneurial Career Fields)

Siti NurMahfuzah Mohd Nafi[1*], Sheerad Sahid[2]

[1]Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), 43600 Bangi, Selangor, Malaysia.
Email: mahfuzahmohdnafie@gmail.com
[2]Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), 43600 Bangi, Selangor, Malaysia.
Email: sheerad@ukm.edu.my

CORRESPONDING AUTHOR (*):
Siti NurMahfuzah Mohd Nafi
(mahfuzahmohdnafie@gmail.com)

KATA KUNCI:
Persepsi
Sikap
Tindak Balas
Bidang Keusahawananan

KEYWORDS:
Perception
Attitude
Feedback
Entrepreneurial field

CITATION:
Siti NurMahfuzah Mohd Nafi1 & Sheerad Sahid. (2023). Persepsi, Sikap dan Tanggapan Ibu Bapa Terhadap Bidang Kerjaya Keusahawanan. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH), 8*(7), e002360. https://doi.org/10.47405/mjssh.v8i7.2360

ABSTRAK

Menjelang abad ke-21, kita dapat melihat peranan usahawan sebagai pendorong utama ekonomi. Walaupun Malaysia telah mencapai kejayaan dalam bidang keusahawanan, namun masih wujud agenda serta isu spesifik yang masih memerlukan perhatian. Seorang usahawan merupakan individu dengan perilaku inovatif yang akan menerapkan pengurusan strategik dalam operasi perniagaan mereka. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti persepsi, sikap, serta tanggapan ibu bapa terhadap kerjaya keusahawanan untuk anak-anak mereka selepas tamat pengajian. Setiap aspek dikaji secara terperinci. Mengenalpasti hubungan signifikan yang wujud antara persepsi, sikap, dan respons ibu bapa terhadap kerjaya keusahawanan dalam kalangan graduan Institut Pengajian Tinggi (IPT) serta melihat tahap persepsi, sikap, dan tanggapan ibu bapa terhadap bidang kerjaya keusahawanan berdasarkan faktor demografi. Kajian ini menggunakan kajian kuantitatif serta kaedah tinjauan melalui edaran borang soal selidik. Seramai 500 ibu bapa dipilih secara rawak. Data dianalisis mengguna pakai Pakej Statistik untuk Sains Sosial (SPSS) versi 22. Mengikut kajian ini, jantina bukanlah faktor penyebab kepada implikasi bidang kerjaya keusahawanan. Berdasarkan ujian korelasi yang dijalankan, ianya jelas memberi gambaran mengenai kewujudan hubungan signifikan antara persepsi, sikap serta tanggapan ibu bapa terhadap penglibatan graduan dalam bidang kerjaya keusahawanan.

ABSTRACT

By the 21st century, we can see the role of entrepreneurs as the main driver of the economy. Although Malaysia has achieved success in the field of entrepreneurship, there are still specific agendas and issues that still require attention. An entrepreneur is an individual with innovative behavior who will apply strategic management in their business operations. This study aims to identify the perceptions,

© 2023 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

attitudes, and responses of parents towards entrepreneurial careers for their children after graduation. Every aspect is studied in detail. Identifying the significant relationship that exists between parents' perceptions, attitudes, and responses to entrepreneurial careers among graduates of Higher Education Institutes (IPTs) as well as looking at the level of parents' perceptions, attitudes, and responses to entrepreneurial careers based on demographic factors. This study uses quantitative research and survey methods through the distribution of questionnaires. A total of 500 parents were randomly selected. Data were analyzed using the Statistical Package for Social Sciences (SPSS) version 22. According to this study, gender is not a causal factor to the implications of the entrepreneurial career field. Based on the correlation test conducted, it clearly gives an idea of the existence of a significant relationship between the perception, attitude and response of parents towards the involvement of graduates in the field of entrepreneurial careers.

Sumbangan/Keaslian: Kajian ini menyumbang kepada literatur berkaitan persepsi, sikap dan tanggapan ibu bapa terhadap graduan siswazah menceburi bidang kerjaya keusahawanan.

1. Pengenalan

Bidang keusahawanan merupakan satu alternatif bagi mengurangkan kadar pengangguran di mana ianya merupakan profesion yang mencipta peluang pekerjaan bagi graduan itu sendiri dimana mereka tidak bergantung kepada mana-mana syarikat untuk mengambil mereka sebagai pekerja. Secara tidak langsung, ianya dapat menggalakkan graduan institusi pengajian tinggi untuk menceburi profesion keusahawanan dan secara positif mempengaruhi ibu bapa untuk menggalakkan penglibatan anak-anak mereka dalam kerjaya tersebut (Ravi & Nagaratham, 2015).

Rentetan daripada kadar pengangguran yang tinggi, bidang keusahawanan menawarkan penyelesaian yang berpotensi untuk mengurangkannya kerana ia merupakan laluan kerjaya yang berpotensi untuk menunjukkan keupayaan graduan untuk penglibatan yang meluas (Rajamanickam, 2003). Berikutan oleh pelbagai inisiatif yang diberikan oleh kerajaan dalam menyokong penglibatan graduan dalam bidang keusahawanan, kajian ini memfokuskan sokongan ibu bapa dalam mendorong penglibatan anak-anak mereka dalam bidang kerjaya keusahawanan.

Kajian ini dapat meneliti pandangan ibu bapa terhadap bidang kerjaya keusahawanan di mana dalam masa yang sama dapat membuka mata mereka tentang peluang yang ada dalam bidang keusahawanan di mana ianya dapat membendung kadar pengangguran yang kian meningkat. Secara umumnya, kajian ini dijalankan untuk mengenalpasti persepsi, sikap dan tanggapan ibu bapa terhadap bidang kerjaya keusahawanan bagi anak-anak mereka setelah tamat pengajian. Setiap aspek tersebut dikaji dengan terperinci. Selain daripada tujuan kajian yang dinyatakan, terdapat beberapa objektif kajian yang dibincangkan iaitu:

© 2023 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

i. Mengenalpasti hubungan yang signifikan antara persepsi, sikap dan tanggapan ibu bapa terhadap bidang kerjaya keusahawanan dalam kalangan graduan Institut Pengajian Tinggi (IPT).
ii. Mengenalpasti tahap persepsi, sikap dan tanggapan ibu bapa terhadap bidang kerjaya keusahawanan dalam kalangan graduan Institut Pengajian Tinggi (IPT).
iii. Mengenalpasti tahap persepsi, sikap dan tanggapan ibu bapa terhadap bidang kerjaya keusahawanan berdasarkan faktor demografi.

Seperti mana yang difokuskan dalam kajian ini adalah persepsi ibu bapa terhadap bidang kerjaya usahawan sama ada ianya memberi impak positif kepada masa depan graduan mahupun sebaliknya. Bagi kajian ini, tanggapan adalah merujuk kepada gaya pemikiran ibu bapa terhadap bidang kerjaya keusahawanan di mana ianya merupakan pilihan utama ataupun alternative kepada graduan setelah tamat pengajian.

2. Sorotan Literatur

2.1. Definisi dan Konsep Usahawanan

Seperti yang dinyatakan oleh Kaplan (2011), "entrependre" yang berasal daripada perkataan perancis bermaksud "menjalankan", merupakan perkataan asal usahawan. Oleh itu, dapat dijelaskan bahawa usahawan merupakan individu yang sanggup dan berupaya untuk menjalankan inovasi untuk diperkenalkan di pasaran. Konsep yang mudahnya dapat dinyatakan bahawa usahawan merupakan individu yang mempunyai daya saing yang tinggi dalam menonjolkan potensi diri untuk mencipta sesuatu inovasi dan contohnya ialah menjana ekonomi. Manakala, menurut Kamus Dewan (2010), individu yang membangunkan sesuatu perusahaan merupakan seorang usahawan. Ianya merujuk kepada kebolehan mereka dalam menjana pendapatan berdasarkan pengeluaran produk mahupun perkhidmatan yang disediakan dalam menempatkan diri mereka sebagai seorang usahawan dalam bidang perniagaan.

Di samping itu, apabila memulakan perniagaan, adalah perkara biasa bagi mereka yang bergelar usahawan untuk menghadapi beberapa kesukaran dimana mereka sanggup mengambil peluang (Wickham, 2004; Boschee & McClury, 2003; Norasmah & Salmah, 2011; Hisrich et al., 2008; Drucker, 1985). Selain itu, usahawan juga merujuk kepada individu yang mampu mengerti kejayaan iaitu konsep usahawan di mana mereka bertanggungjawab terhadap kejayaan mereka sendiri menerusi usaha yang ditonjolkan bagi mencapai matlamat mereka serta menjana pendapatan mereka sendiri sama ada besar mahupun kecil. Bagi menjadi seorang usahawan yang berjaya, mereka hendaklah mengenalpasti kekuatan dan minat mereka agar bidang keusahawanan yang mereka ceburi bertepatan dengan kecenderungan mereka. Dari sudut psikologinya, usahawan merupakan pelaksana kepada organisasi yang mereka bentuk di mana mereka mempunyai peranan yang pelbagai iaitu mereka adalah ketua dan dalam masa yang sama mereka jugalah kuli.

2.2. Definisi dan Konsep Keusahawanan

Berikutan oleh arus globalisasi, dapat dilihat dengan jelas di mana bidang keusahawanan menjadi bidang yang menjadi tumpuan individu untuk mencipta kerjaya mereka sendiri di mana mereka berperanan sebagai ketua dan dalam masa yang sama menjadi kuli. Berdasarkan kajian yang dijalankan oleh Abdul Aziz (2003), lingkungan keusahawanan

© 2023 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

merupakan aktiviti yang mampu menyalurkan faedah kepada peserta di mana ia adalah industri berasaskan keuntungan,

Kadar keuntungan yang diperolehi dapat menampung segala kos-kos pelaksanaan perniagaan tersebut, ianya menggambarkan bahawa bidang perusahaan yang diceburinya sedang berkembang dan berupaya untuk maju serta menyaingi pesaing-pesaing lain yang telah lama bertapak dalam bidang perusahaan. Penjelasan yang terperinci mengenai bidang keusahawan dapat memberikan persepsi yang positif kepada ibu bapa dalam mendorong dan menyokong penglibatan anak-anak mereka dalam bidang keusahawanan.

2.3. Ciri-ciri Keusahawanan

Usahawan perlu mengaplikasikan sifat-sifat positif di mana ianya memberi pengaruh yang positif dalam melancarkan urusan perniagaan yang dijalankan. Ini melibatkan keinginan untuk menjalankan tugas dengan pantas, kesabaran dalam menghadapi situasi yang tidak pasti, memiliki keyakinan diri, dan bersifat inovatif, yang dimiliki oleh seseorang dan menjadi ciri-ciri mustahak bagi seorang usahawan. Tambahan pula, usahawan yang berjaya harus memiliki keyakinan positif yang luar biasa dalam melaksanakan dan mengecapi kejayaan dalam aktiviti tertentu. Maka, dapat dirumuskan bahawa individu yang memiliki sifat-sifat ini berpotensi menjadi usahawan yang berjaya dalam jangka masa yang panjang. Tambahan pula, mereka juga mampu mengatasi rintangan melalui strategi khusus semasa mengendalikan perniagaan (Nadzri & Yaacob, 2019).

Menurut Abdul Aziz (2003), istilah "usahawan" menggambarkan seseorang yang sanggup mengambil risiko untuk menerokai wilayah yang belum dipetakan. Manakala, Hian (1996) menyatakan bahawa bagi mencapai kejayaan sebagai usahawan, seorang individu itu perlu memperoleh sifat-sifat seperti tekad untuk mencapai kejayaan, memiliki kawalan diri yang kukuh, bersedia berhadapan dengan risiko, mampu mengambil risiko secara bijak serta memiliki kebolehan untuk bersikap kreatif. Justeru, sebagai seorang usahawan, adalah penting untuk memiliki sifat-sifat yang telah dijelaskan sebelum ini, seperti memiliki komitmen yang kuat, berani mengambil risiko, diberi kepercayaan oleh individu lain, mempunyai fokus yang menumpu pada matlamat, memiliki kreativiti, inovatif serta bijak dalam menggarap peluang dalam setiap tindakan yang dilaksanakan (Nagarathanam, 2015). Dalam masa yang sama, Jariah (1998) menyatakan bahawa, antara ciri usahawan ialah pembangunan nilai murni yang membolehkan mereka merealisasikan matlamat negara iaitu menghasilkan lebih ramai usahawan.

2.4. Sikap Keusahawanan

Individu yang melibatkan diri dalam bidang keusahawanan mampu menetapkan hasil yang mereka perolehi berdasarkan sikap positif mereka menerusi penglibatan dalam bidang ini. Secara tidak langsung, sikap positif individu dalam bidang keusahawanan juga dilihat memberi pengaruh yang positif dalam kalangan ibu bapa dalam menyokong penglibatan anak mereka dalam bidang ini. Seperti yang dilaporkan oleh Mohd Salleh et al. (2005), Sikap adalah komponen penting dalam personaliti yang mempengaruhi sejauh mana usahawan berjaya dalam industri pilihan mereka.

Secara keseluruhannya, dapat dijelaskan bahawa sikap terhadap kerjaya keusahawanan memberi gambaran yang jelas bahawa ianya merupakan bidang kerjaya yang

© 2023 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

membolehkan individu menonjolkan potensi diri mereka untuk mengelola, mengurus dan mengambil risiko perniagaan agar mereka berupaya menguasai sektor perusahaan yang mereka ceburi. Oleh itu, dengan melihat pelbagai sikap positif yang ditonjolkan oleh usahawan, ianya memberi keyakinan kepada ibu bapa bahawa bidang kerjaya keusahawanan menjadi platform untuk mereka menonjolkan potensi diri mereka untuk mengaplikasikan pengetahuan dan ilmu yang mereka ada.

2.5. Tingkah Laku Terhadap Keusahawanan

Tingkah laku yang diperlihatkan dapat mempengaruhi dan juga dipengaruhi oleh kejadian yang berlaku di persekitaran yang dialami oleh setiap individu. Seperti yang dilaporkan oleh Lüthje dan Frank (2003) serta Peterman dan Kennedy (2003), sikap, personaliti dan tahap minat dalam memilih kerjaya yang diceburi seperti bidang keusahawanan yang semakin menjadi pilihan dalam kalangan masyarakat khususnya golongan muda mempengaruhi tingkah laku yang diserlahkan oleh individu yang turut serta melibatkan diri di dalamnya.

Menurut Bryant (2006) dan Hisrich et al. (2008), tingkah laku memilih kerjaya keusahawanan merupakan pemangkin yang menggalakkan keberkesanan dan kecekapan proses keusahawanan dikatakan berkait rapat dengan rahsia kejayaan dalam bidang keusahawanan. Dengan adanya kajian-kajian terdahulu berkaitan dengan tingkahlaku yang ditonjolkan oleh usahawan telah memberikan tanggapan yang memberangsangkan dalam kalangan ibu bapa untuk menyokong penglibatan anak-anak mereka dalam bidang keusahawanan.

2.6. Teori

Dalam mengkaji bidang kerjaya keusahawanan, teori yang diaplikasikan ialah teori tingkah laku terancang yang diperkenalkan oleh Azjen (1991). Ia sering diguna pakai untuk menentukan kelakuan seseorang terhadap sesuatu. Seperti yang difokuskan dalam kajian ini, tingkahlaku ibu bapa dalam menyokong penglibatan anak-anak dalam bidang kerjaya keusahawanan. Pendekatan ini, secara amnya, menekankan sikap individu, norma subjektif yang diperoleh daripada pihak yang berkepentingan serta tindak balas tingkah laku (Azjen, 2002). Menurut Zaidatol dan Hisyamuddin (2010), teori ini memberi fokus terhadap keinginan dimana ia adalah satu usaha untuk mempraktikkan sesuatu atau aktiviti yang dirancang. Tambahan pula, teori ini turut berperanan untuk mengenalpasti faktor motivasi yang mempengaruhi tingkahlaku individu terhadap aktiviti yang dirancang di samping menjelaskan pengaruh persekitaran sosial serta budaya yang dapat mempengaruhi kelakuan seseorang individu. Dengan menjadikan teori ini sebagai rujukan, ianya dilihat menjadi pengaruh terhadap keputusan seseorang individu dalam membuat keputusan. Hal ini dapat dilaksanakan melalui tiga unsur utama yang merangkumi nilai atau sikap peribadi yang mengacu sejauh mana individu menyokong sesuatu tindakan, norma subjektif iaitu tekanan sosial yang menjadi pendorong seseorang individu untuk melaksanakan atau tidak melaksanakan sesuatu serta persepsi kawalan tingkah laku iaitu sejauh mana seorang individu mampu mengawal tingkah laku mereka (Wan Mahmood et al., 2016).


3. Metod Kajian

Kajian ini dijalankan menggunakan reka bentuk penyelidikan kuantitatif dengan mengguna pakai borang soal selidik bagi proses pengumpulan data. Rajah 1 menunjukkan

© 2023 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

pelaksanaan kaedah penyelidikan kuantitatif. Ianya adalah berdasarkan kajian yang dijalankan oleh Creswell (2013) yang dijadikan rujukan bagaimana kaedah penyelidikan kuantitatif dilaksanakan.

Rajah 1: Reka bentuk kajian



Sampel serta populasi kajian ini merangkumi ibu bapa yang tinggal di sekitar kawasan Kota Bharu. Untuk menetapkan jumlah sampel yang diperlukan dalam penyelidikan ini, penyelidik mengguna pakai kaedah pensampelan rawak mudah dalam memastikan setiap individu memperoleh peluang yang sama untuk dipilih. Bilangan sampel yang diperoleh dalam kajian ini ialah 217 orang terdiri daripada ibu bapa yang mempunyai anak yang telah bergraduasi di sekitar daerah Kota Bharu. Instrumen soal selidik yang dibangunkan ini mempunyai lima bahagian, iaitu Bahagian A sehingga Bahagian E yang terdiri daripada:

i. Bahagian A: Demografi
ii. Bahagian B : Persepsi Ibu Bapa Terhadap Bidang Kerjaya Keusahawanan.
iii. Bahagian C : Sikap Ibu bapa Terhadap Bidang Kerjaya Keusahawanan
iv. Bahagian D : Tanggapan Ibu bapa Terhadap Bidang Kerjaya Keusahawanan
v. Bahagian E: Kerjaya Keusahawanan.

Bahagian B, C, D dan E mengandungi 10 item di setiap bahagian yang berkaitan dengan Bidang Kerjaya Keusahawanan. Dalam kajian ini, pengkaji menggunakan aplikasi Google Form untuk mengumpulkan data daripada responden yang terlibat. Pemilihan kaedah ini turut dikaitkan dengan kesulitan untuk mengedarkan borang soal selidik secara fizikal berikutan oleh pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan keperluan untuk menghadkan dengan berjumpa dengan orang bagi mengelakkan penularan COVID-19. Di samping itu juga, penggunaan aplikasi Google Form memudahkan responden untuk menentukan bilangan responden yang telah selesai menjawab borang soal selidik yang diedarkan. Tambahan pula, pengkaji dapat menjimatkan masa dan tenaga di mana pengkaji hanya perlu berkongsi capaian untuk responden menjawab borang soal selidik. Setelah bilangan responden telah mencukupi, pengkaji hanya perlu menganalisis data yang diperolehi di mana ianya telah tersedia dalam lampiran Microsoft Excel.

Pemilihan kaedah ini turut dikaitkan dengan kesulitan untuk mengedarkan borang soal selidik secara fizikal berikutan oleh pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan keperluan untuk menghadkan dengan berjumpa dengan orang bagi mengelakkan penularan COVID-19. Data yang telah dikumpulkan telah diolah menggunakan pendekatan kuantitatif melalui perisian komputer SPSS (Pakej Statistik untuk Sains Sosial untuk Windows Versi 25.0). Data tersebut diberikan dalam bentuk statistik deskriptif

© 2023 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

serta korelasi. Jenis dan teknik analisis data yang diguna pakai untuk memberikan jawapan kepada setiap soalan kajian telah diilustrasikan dalam Jadual 1.

Jadual 1: Kaedah analisis data berdasarkan persoalan kajian

Pernyataan	Kaedah Analisis Data
Apakah persepsi ibu bapa terhadap bidang kerjaya keusahawanan?	Skor min, sisihan piawai dan peratus
Apakah sikap ibu bapa terhadap bidang kerjaya keusahawanan?	Skor min, sisihan piawai dan peratus
Apakah tanggapan ibu bapa terhadap bidang kerjaya keusahawanan?	Skor min, sisihan piawai dan peratus
Apakah pengaruh faktor demografi ibu bapa terhadap bidang kerjaya keusahawanan?	Ujian ANOVA
Adakah terdapat hubungan yang signifikan antara persepsi, sikap dan tanggapan ibu bapa terhadap bidang kerjaya keusahawanan?	Ujian Korelasi

4. Hasil Kajian

Responden kajian ini adalah terdiri daripada 217 orang ibu bapa di sekitar Kota Bharu, Kelantan. Antara demografi taburan yang diambil yang terlibat dalam kajian ditunjukkan di dalam Jadual 2.

Jadual 2: Demografi Responden kajian

Demografi	Kekerapan	Peratusan (%)
Jantina		
Lelaki	142	65.44
Perempuan	75	34.56
Bangsa		
Melayu	178	82.00
Cina	27	12.40
India	2	0.90
Lain-lain	10	4.60
Usia		
40-45 tahun	42	19.40
45-50 tahun	49	22.60
50 ke atas	126	58.10

Berdasarkan Jadual 2, penyelidik mendapati jumlah sampel lelaki adalah sebanyak 142 individu, yang mewakili 65.44% daripada keseluruhan sampel, manakala jumlah sampel perempuan adalah 75 individu, menyumbang sebanyak 34.56% daripada keseluruhan sampel. Majoriti sampel terdiri daripada bangsa Melayu iaitu seramai 178 orang dengan peratusan sebanyak 82% diikuti oleh bangsa Cina iaitu seramai 27 orang dengan peratusan 2.40%, lain-lain bangsa iaitu seramai 0 orang dengan peratusan sebanyak 4.60% dan akhirnya bangsa india berjumlah seramai 2 orang dengan peratusan 0.90%. elalui deskripsi data yang diambil, dapat diketahui bahawa usia yang tertinggi terdiri daripada sampel yang berumur 50 tahun dan ke atas iaitu seramai 126 orang (58.10%),

© 2023 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

diikuti dengan mereka yang berusia 45-50 tahun iaitu seramai 49 orang (22.60%) dan akhirnya mereka yang berusia di antara 40 dan 45 tahun iaitu seramai 42 orang (19.40%). Jadual 3 mengilustrasikan skor peratusan serta kekerapan bagi setiap item persepsi ibu bapa terhadap bidang kerjaya keusahawanan dalam kalangan graduan IPT. Dapat dilihat bahawa terdapat kepelbagaian dalam dapatan yang diperoleh.

Jadual 3: Persepsi ibu bapa terhadap bidang kerjaya keusahawanan

Pernyataan	Sangat Tidak Setuju	Tidak Setuju	Kurang Setuju	Setuju	Sangat Setuju	Min	Sisihan Piawai
Saya 8ampak potensi anak dalam kerjaya bidang keusahawanan menerusi idea-idea yang dikemukakan di mana ianya boleh ditukar kepada peluang pekerjaan.	0 (0%)	0 (0%)	0 (0%)	119 (54.8%)	98 (45.2%)	4.451	0.498
Saya melihat kebolehan yang ditonjolkan oleh anak yang suka mencari peluang perniagaan di mana ianya bersesuaian dengan kerjaya bidang keusahawanan.	0 (0%)	0 (0%)	8 (3.7%)	121 (55.8%)	88 (40.6%)	4.368	0.554
Saya melihat potensi anak dengan keupayaannya menganalisis faedah daripada peluang-peluang perniagaan yang telah dikenal pasti.	0 (0%)	0 (0%)	0 (0%)	140 (64.5%)	77 (35.5%)	4.354	0.479
Saya melihat potensi anak dalam menjana idea perniagaan.	0 (0%)	0 (0%)	0 (0%)	120 (55.3%)	97 (44.7%)	4.447	0.498
Saya melihat anak berupaya menghadapi risiko dalam kerjaya bidang keusahawanan.	0 (0%)	0 (0%)	4 (1.8%)	149 (68.7%)	64 (29.5%)	4.276	0.487
Saya melihat keupayaan anak untuk menjadi seorang ketua.	0 (0%)	0 (0%)	4 (1.8%)	109 (50.2%)	104 (47.9%)	4.46	0.535
Saya yakin anak dapat merealisasikan impiannya.	0 (0%)	0 (0%)	5 (2.3%)	128 (59%)	84 (38.7%)	4.364	0.528
Saya melihat keupayaan anak untuk meningkatkan prestasi dan potensi diri dalam bidang keusahawanan.	0 (0%)	0 (0%)	6 (2.8%)	129 (2.8%)	82 (37.8%)	4.35	0.533
Saya melihat keupayaan anak untuk mencabar dirinya agar menjadi lebih baik.	0 (0%)	0 (0%)	5 (2.3%)	129 (59.4%)	83 (38.2%)	4.359	0.526

© 2023 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Saya melihat perubahan yang positif dalam diri anak setelah melibatkan diri dalam kerjaya bidang keusahawanan.	0 (0%)	0 (0%)	4 (1.8%)	133 (61.3%)	80 (36.9%)	4.35	0.515
Keseluruhan						4.378	0.344

Secara terperinci dapat dilihat bahawa peratusan yang tertinggi menunjukkan responden memilih setuju apabila melihat anak berupaya menghadapi risiko dalam kerjaya bidang keusahawanan (68.7%) diikuti dengan potensi anak dengan keupayaannya menganalisis faedah daripada peluang-peluang perniagaan (64.5%) dan perubahan yang positif dalam diri anak setelah melibatkan diri dalam kerjaya bidang keusahawanan (61.3%). Responden juga bersetuju apabila melihat keupayaan anak untuk meningkatkan prestasi dan potensi diri dalam bidang keusahawanan dan dapat melihat keupayaan anak untuk mencabar diri agar menjadi lebih baik (59.4%). Dapatan kajian ini juga menunjukkan bahawa pernyataan, "Saya nampak potensi anak dalam kerjaya bidang keusahawanan menerusi idea-idea yang dikemukakan dimana ianya boleh ditukar kepada peluang pekerjaan" mencatatkan min yang tertinggi (M= 4.451, SP=0.498) dan "Saya melihat anak berupaya menghadapi risiko dalam kerjaya bidang keusahawanan" mencatatkan min yang terendah (M=4.276, SP=0.487). Hasil dapatan kajian pada Jadual 3 menunjukkan responden bersetuju dengan persepsi ibu bapa terhadap bidang kerjaya keusahawanan dalam kalangan graduan Institut Pengajian Tinggi (IPT) apabila nilai min adalah 4.378 dan sisihan piawai adalah 0.344.

Jadual 4 mengilustrasikan skor peratusan serta kekerapan bagi setiap item sikap ibu bapa terhadap bidang kerjaya keusahawanan. Terdapat pelbagai dapatan bagi sikap ibu bapa terhadap bidang kerjaya keusahawanan.

Jadual 4: Sikap ibu bapa terhadap bidang kerjaya keusahawanan.

Pernyataan	**Sangat Tidak Setuju**	**Tidak Setuju**	**Kurang Setuju**	**Setuju**	**Sangat Setuju**	**Min**	**Sisihan Piawai**
Saya merasakan penglibatan anak dalam kerjaya bidang keusahawanan merupakan pilihan yang terbaik.	0 (0%)	0 (0%)	0 (0%)	131 (60.4%)	86 (39.6%)	4.396	0.49
Saya percaya bahawa keputusan yang terbaik telah dilakukan oleh anak dalam memilih kerjaya bidang keusahawanan.	0 (0%)	0 (0%)	0 (0%)	141 (65%)	76 (35%)	4.35	0.478
Saya sering memberikan sokongan kepada anak dalam keputusan yang dibuat.	0 (0%)	0 (0%)	0 (0%)	119 (54.8%)	98 (45.2%)	4.451	0.498
Saya berasa bangga melihat pencapaian anak dalam kerjaya bidang keusahawanan yang mereka ceburi.	0 (0%)	0 (0%)	0 (0%)	163 (75.1%)	54 (24.9%)	4.248	0.433

© 2023 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Saya berasa puas hati dengan melihat kejayaan anak dalam kerjaya bidang keusahawanan.	0 (0%)	0 (0%)	0 (0%)	141 (65%)	76 (35%)	4.35	0.478
Saya nampak kesediaan anak dalam melakukan apa sahaja untuk menceburkan diri dalam kerjaya bidang keusahawanan.	0 (0%)	0 (0%)	0 (0%)	119 (54.8%)	98 (45.2%)	4.451	0.498
Saya menyokong tindakan anak menggunakan segala usaha untuk memulakan dan menjalankan perniagaan yang diceburinya.	0 (0%)	0 (0%)	0 (0%)	54 (24.9%)	163 (75.1%)	4.751	0.433
Saya menyokong tekad anak untuk mencipta inovasi dalam perniagaan yang diceburinya.	0 (0%)	0 (0%)	0 (0%)	109 (50.2%)	108 (49.8%)	4.497	0.501
Saya menyokong matlamat profesional anak untuk menjadi seorang usahawan.	0 (0%)	0 (0%)	0 (0%)	120 (55.3%)	97 (44.7%)	4.447	0.498
Saya menyokong hasrat anak yang kuat untuk memulakan perniagaan sendiri.	0 (0%)	0 (0%)	0 (0%)	96 (44.2%)	121 (55.8%)	4.557	0.497
Keseluruhan						4.45	0.365

Secara terperinci dapat dilihat bahawa peratusan yang tertinggi menunjukkan responden memilih sangat setuju apabila ibu bapa menyokong tindakan anak menggunakan segala usaha untuk memulakan dan menjalankan perniagaan yang diceburinya dan bersetuju apabila ibu bapa berasa bangga melihat pencapaian anak dalam bidang kerjaya keusahawanan (75.1%). Ini diikuti dengan bersetuju apabila ibu bapa percaya bahawa keputusan yang terbaik telah dilakukan oleh anak dalam memilih kerjaya bidang keusahawanan dan berpuas hati dengan melihat kejayaan anak dalam kerjaya bidang keusahawanan (65%). Dapatan kajian ini juga menunjukkan bahawa pernyataan, “Saya menyokong tindakan anak menggunakan segala usaha untuk memulakan dan menjalankan perniagaan yang diceburinya” mencatatkan min yang tertinggi (M= 4.751, SP=0.433) dan “Saya berasa bangga melihat pencapaian anak dalam kerjaya bidang keusahawanan” mencatatkan min yang terendah (M=4.248, SP=0.433). Hasil dapatan kajian pada Jadual 4 menunjukkan responden bersetuju dengan sikap ibu bapa terhadap bidang kerjaya keusahawanan apabila nilai min adalah 4.45 dan sisihan piawai adalah 0.365.

Jadual 5 mengilustrasikan skor peratusan serta kekerapan bagi setiap item tanggapan ibu bapa terhadap bidang kerjaya keusahawanan. Terdapat pelbagai dapatan bagi tanggapan ibu bapa terhadap bidang kerjaya keusahawanan. Secara terperinci dapat dilihat bahawa peratusan yang tertinggi menunjukkan responden memilih setuju dengan kerjaya bidang keusahawanan dapat memberikan sumber pendapatan yang memberangsangkan (65%) diikuti dengan kerjaya bidang keusahawanan dapat mengurangkan kadar pengangguran (60.4%) dan ia membolehkan mendapat pendapatan yang berpatutan (57.1%).

© 2023 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Jadual 5: Tanggapan ibu bapa terhadap bidang kerjaya keusahawanan.

Pernyataan	Sangat Tidak Setuju	Tidak Setuju	Kurang Setuju	Setuju	Sangat Setuju	Min	Sisihan Piawai
Kerjaya bidang keusahawanan berupaya meningkatkan daya inovasi.	0 (0%)	0 (0%)	0 (0%)	97 (44.7%)	120 (55.3%)	4.553	0.498
Kerjaya bidang keusahawanan dapat memberikan sumber pendapatan yang memberangsangkan.	0 (0%)	0 (0%)	0 (0%)	141 (65%)	76 (35%)	4.35	0.478
Kerjaya bidang keusahawanan dapat mengurangkan kadar pengangguran.	0 (0%)	0 (0%)	0 (0%)	131 (60.4%)	86 (39.6%)	4.396	0.49
Kerjaya bidang keusahawanan berhadapan dengan risiko yang tinggi.	0 (0%)	0 (0%)	0 (0%)	98 (45.2%)	119 (54.8%)	4.548	0.498
Kerjaya bidang keusahawanan dapat meningkatkan daya saing.	0 (0%)	0 (0%)	0 (0%)	108 (49.8%)	109 (50.2%)	4.502	0.501
Kerjaya bidang keusahawanan memberikan lebih banyak kelebihan berbanding keburukan.	0 (0%)	0 (0%)	0 (0%)	109 (50.2%)	108 (49.8%)	4.497	0.501
Kerjaya bidang keusahawanan memberikan kepuasan yang tinggi.	0 (0%)	0 (0%)	0 (0%)	117 (53.9%)	100 (46.1%)	4.46	0.499
Kerjaya bidang keusahawanan memberikan jaminan pekerjaan.	0 (0%)	0 (0%)	0 (0%)	102 (47%)	115 (53%)	4.53	0.5
Kerjaya bidang keusahawanan membolehkan mendapat pendapatan yang berpatutan.	0 (0%)	0 (0%)	0 (0%)	124 (57.1%)	93 (42.9%)	4.428	0.496
Kerjaya bidang keusahawanan membolehkan mendapatkan peluang dalam pasaran.	0 (0%)	0 (0%)	0 (0%)	119 (54.8%)	98 (45.2%)	4.451	0.498
Keseluruhan						4.471	0.408

Selain itu, responden sangat bersetuju apabila kerjaya bidang keusahawanan berupaya meningkatkan daya inovasi (55.3%) diikuti dengan kerjaya bidang keusahawanan berhadapan dengan risiko yang tinggi dan bersetuju dengan kerjaya bidang keusahawanan membolehkan mendapatkan pelaung dalam pasaran (54.8%). Dapatan

© 2023 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

kajian ini juga menunjukkan bahawa pernyataan, "Kerjaya bidang keusahawanan berupaya meningkatkan daya inovasi" mencatatkan min yang tertinggi (M= 4.553, SP=0.498) dan "Kerjaya bidang keusahawanan dapat memberikan sumber pendapatan yang memberangsangkan" mencatatkan min yang terendah (M=4.35, SP=0.478). Hasil dapatan kajian pada Jadual 5 menunjukkan responden bersetuju dengan tanggapan ibu bapa terhadap bidang kerjaya keusahawanan apabila nilai min adalah 4.471 dan sisihan piawai adalah 0.408.

Jadual 6 mengilustrasikan skor peratusan serta kekerapan bagi setiap item bidang kerjaya keusahawanan. Terdapat pelbagai dapatan bagi bidang kerjaya keusahawanan.

Jadual 6: Penglibatan dalam bidang kerjaya keusahawanan.

Pernyataan	Sangat Tidak Setuju	Tidak Setuju	Kurang Setuju	Setuju	Sangat Setuju	Min	Sisihan Piawai
Saya meletakkan keyakinan terhadap penglibatan anak dalam kerjaya bidang keusahawanan.	0 (0%)	0 (0%)	0 (0%)	137 (63.1%)	80 (36.9%)	4.369	0.483
Saya nampak potensi anak dalam kerjaya bidang keusahawanan.	0 (0%)	0 (0%)	0 (0%)	153 (70.5%)	64 (29.5%)	4.294	0.457
Anak menunjukkan keupayaan untuk bekerja sendiri berbanding bekerja dengan orang lain.	0 (0%)	0 (0%)	0 (0%)	119 (54.8%)	98 (45.2%)	4.451	0.498
Anak dilihat cenderung dalam kerjaya bidang keusahawanan.	0 (0%)	0 (0%)	0 (0%)	139 (64.1%)	78 (35.9%)	4.359	0.48
Saya yakin anak dapat menjadi usahawan yang berjaya dengan kemahiran dan potensi diri yang dimiliki.	0 (0%)	0 (0%)	0 (0%)	135 (62.2%)	82 (37.8%)	4.377	0.485
Anak dapat memulakan perniagaan dan memastikannya berfungsi dengan baik.	0 (0%)	0 (0%)	0 (0%)	106 (48.8%)	111 (51.2%)	4.511	0.501
Anak dapat mengawal proses penciptaan perniagaan baru.	0 (0%)	0 (0%)	0 (0%)	135 (62.2%)	82 (37.8%)	4.377	0.485
Anak menunjukkan kesediaan untuk melakukan apa sahaja untuk menjadi seorang usahawan.	0 (0%)	0 (0%)	0 (0%)	138 (63.6%)	79 (36.4%)	4.363	0.482

© 2023 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Kelayakan yang ada pada anak memberikannya pengetahuan yang cukup untuk berkecimpung dalam kerjaya bidang keusahawanan.	0 (0%)	0 (0%)	0 (0%)	108 (49.8%)	109 (50.2%)	4.502	0.501
Saya melihat keupayaan anak di mana mereka mempunyai semua butiran praktikal yang diperlukan untuk memulakan perniagaan.	0 (0%)	0 (0%)	0 (0%)	133 (61.3%)	84 (38.7%)	4.387	0.488
Keseluruhan						4.399	0.331

Secara terperinci dapat dilihat bahawa peratusan yang tertinggi menunjukkan responden memilih setuju dengan potensi anak dalam kerjaya bidang keusahawanan (70.5%) diikuti dengan kecenderungan anak dalam kerjaya bidang keusahawanan (64.1%) dan kesediaan anak untuk melakukan apa sahaja untuk menjadi seorang usahawan (63.6%). Selain itu, responden sangat bersetuju apabila anak dapat memulakan perniagaan dan memastikannya berfungsi dengan baik (51.2%) dan kelayakan yang ada pada anak memberikannya pengetahuan yang cukup untuk berkecimpung dalam kerjaya bidang keusahawanan (50.2%). Dapatan kajian ini juga menunjukkan bahawa pernyataan, "Anak dapat memulakan perniagaan dan memastikannya berfungsi dengan baik" mencatatkan min yang tertinggi (M= 4.511, SP=0.501) dan "Saya nampak potensi anak dalam kerjaya bidang keusahawanan" mencatatkan min yang terendah (M=4.294, SP=0.457). Hasil dapatan kajian pada Jadual 6 menunjukkan responden bersetuju dengan bidang kerjaya keusahawanan apabila nilai min adalah 4.399 dan sisihan piawai adalah 0.331.

Jadual 7 menunjukkan keputusan ujian korelasi yang diguna pakai dalam mengenal pasti faktor yang mempengaruhi hipotesis kajian yang dijalankan. Dalam kajian ini, ujian korelasi diguna pakai bagi tujuan mengkaji hubungan yang wujud antara pemboleh ubah. Didapati bahawa 3 hipotesis dapat dibangunkan dan ditentukan sama ada hipotesis diterima atau ditolak.

Jadual 7: Analisis Korelasi

Bidang Kerjaya Keusahawanan	Persepsi Ibu Bapa	R	0.744
		Sig	0.000
	Sikap Ibu Bapa	R	0.805
		Sig	0.000
	Tanggapan Ibu Bapa	R	0.829
		Sig	0.000

H0: Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara persepsi ibu bapa dengan bidang kerjaya keusahawanan dalam kalangan graduan Institut Pengajian Tinggi (IPT)

H1: Terdapat hubungan yang signifikan antara persepsi ibu bapa dengan bidang kerjaya keusahawanan dalam kalangan graduan Institut Pengajian Tinggi (IPT)

Kajian mendapati terdapat hubungan yang positif dan kukuh serta signifikan antara persepsi ibu bapa dengan bidang kerjaya keusahawanan. (r=0.744 n=217 p=0.000). Oleh itu, hipotesis nol ditolak.

© 2023 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

H0: Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara sikap ibu bapa dengan bidang kerjaya keusahawanan dalam kalangan graduan Institut Pengajian Tinggi (IPT)

H1: Terdapat hubungan yang signifikan antara sikap ibu bapa dengan bidang kerjaya keusahawanan dalam kalangan graduan Institut Pengajian Tinggi (IPT)

Hasil kajian menunjukkan terdapat hubungan yang positif, kuat dan signifikan antara sikap ibu bapa dengan kerjaya keusahawanan. (r=0.805 n=217 p=0.000). Oleh itu, hipotesis nol ditolak.

H0: Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara persepsi ibu bapa dengan bidang kerjaya keusahawanan dalam kalangan graduan Institut Pengajian Tinggi (IPT)

H1: Terdapat hubungan yang signifikan antara persepsi ibu bapa dengan bidang kerjaya keusahawanan dalam kalangan graduan Institut Pengajian Tinggi (IPT)

Kajian mendapati terdapat hubungan yang positif dan kukuh serta signifikan antara persepsi ibu bapa dengan bidang kerjaya keusahawanan. (r=0.829 n=217 p=0.000). Oleh itu, hipotesis nol ditolak.

Jadual 8 menunjukkan perbezaan skor min bidang kerjaya keusahawanan mengikut jantina. Berdasarkan dapatan kajian, jantina lelaki menunjukkan min yang tinggi (min = 4.414, sisihan piawai = 0.334). Manakala jantina perempuan mencatatkan min terendah (min=4.370, sisihan piawai= 0.325). Ujian T menunjukkan tiada perbezaan antara jantina t (215) = 0.933, p = 0.352. Keputusan menunjukkan tahap piawaian ialah 0.352 iaitu tidak signifikan kerana nilainya lebih besar daripada 0.05. Oleh itu, jantina bukanlah faktor penyebab kepada implikasi bidang kerjaya keusahawanan.

Jadual 8: Perbandingan skor Min kerjaya keusahawanan berdasarkan jantina

Jantina	N	Min	Sisihan Piawaian	Df	Ujian T	Sig
Lelaki	142	4.414	0.334			
Perempuan	75	4.370	0.325			
Jumlah	217					
				215	0.933	0.352

5. Perbincangan

Berdasarkan ujian korelasi yang dijalankan, ianya jelas menunjukkan bahawa wujud hubungan yang signifikan antara persepsi, sikap dan tanggapan ibu bapa dengan penglibatan dalam bidang kerjaya keusahawanan dalam kalangan graduan Institut Pengajian Tinggi (IPT). Berdasarkan dapatan yang dilaporkan, ianya menyumbang kepada pembentukan literatur yang terkini berkaitan dengan hubungan antara persepsi, sikap dan tanggapan ibu bapa terhadap bidang kerjaya keusahawanan dalam kalangan graduan Institut Pengajian Tinggi (IPT). Dari segi kaedah penyelidikan yang dijalankan, ianya memberi gambaran kepada pengkaji untuk kajian lanjutan berkenaan dengan sikap, persepsi dan tanggapan yang ditonjolkan oleh ibu bapa dalam bidang kerjaya keusahawanan dalam kalangan graduan Institut Pengajian Tinggi (IPT) dapat ditingkatkan agar dapatan kajian lebih signifikan.

© 2023 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

6. Kesimpulan

Secara kesimpulannya, dapat dilihat dengan jelas bahawa wujud hubungan yang signifikan antara persepsi (r=0.744), sikap (r=0.805) dan tanggapan (r=0.829) ibu bapa terhadap bidang kerjaya keusahawanan dalam kalangan graduan Institut Pengajian Tinggi (IPT). Dapatan memberi gambaran yang jelas bahawa signifikannya dapatan kajian yang dilaporkan terhadap bidang kerjaya keusahawanan. Ibu bapa dilihat menonjolkan respons yang memberangsangkan terhadap bidang kerjaya keusahawanan.

Maka, melalui pelaksanaan kajian ini, diharapkan ianya dapat memberikan faedah dan dijadikan sebagai sumber rujukan untuk semua yang terlibat dalam bidang penyelidikan yang relevan. Dengan cara ini, secara tidak langsung, ianya dapat memberi sumbangan terhadap pembentukan konsep-konsep baru dalam merangkumi pelbagai topik yang boleh dikaji, berdasarkan kepada tumpuan utama kajian tersebut. Harapan pengkaji agar kajian yang dijalankan dapat membuka mata pelbagai pihak tentang pelbagai faedah yang dapat dikecapi menerusi penglibatan dalam bidang kerjaya keusahawanan. Ianya memberi kelebihan kepada diri sendiri serta negara.

Dalam usaha menggalakkan lebih banyak penyertaan dan penglibatan dalam kalangan graduan bagi bidang kerjaya keusahawanan, ianya memerlukan modus operandi yang drastik dan praktikal agar menyumbang kepada sikap, persepsi dan tanggapan yang positif terhadap bidang kerjaya keusahawanan. Situasi ini dapat dijadikan dorongan kepada lebih ramai graduan untuk melibatkan diri dalam bidang kerjaya tersebut. Dalam masa yang sama, kajian yang dijalankan menyumbang kepada analisis pandangan pihak yang berkepentingan dalam merangka pelan-pelan yang proaktif untuk menggalakkan lebih banyak penglibatan individu dalam bidang kerjaya keusahawanan.

Kelulusan Etika dan Persetujuan untuk Menyertai Kajian (*Ethics Approval and Consent to Participate*)

Penyelidik telah merujuk kepada garis panduan etika penyelidikan yang telah diberikan oleh Jawatankuasa Etika Penyelidikan Universiti Kebangsaan Malaysia (RECUKM). Semua langkah-langkah yang dilaksanakan dalam kajian ini yang melibatkan subjek manusia telah dilakukan dengan mengambil kira standard etika yang ditetapkan oleh jawatankuasa penyelidikan institusi. Persetujuan dan kebenaran daripada semua peserta kajian telah diperoleh sebelum menjalankan kajian.

Penghargaan (*Acknowledgement*)

Ribuan terima kasih kepada pensyarah saya, Dr Sheerad Sahid yang banyak membantu dalam menyiapkan kajian saya serta ibu bapa dan adik saya yang menjadi kekuatan saya untuk menyiapkan kajian saya.

Kewangan (*Funding*)

Kajian ini tidak melibatkan sebarang dana atau kewangan.

Konflik Kepentingan (*Conflict of Interest*)

Penulis tidak memiliki sebarang konflik serta kepentingan dalam proses penulisan dan pengumpulan data kajian.

© 2023 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Rujukan

Abdul Aziz, Y. (2003). *Keusahawanan*. Selangor: Prentice Hall.

Azjen, I. (1991). The theory of planned behavior. *Organizational behavior and human decision processes*, *50*(2), 179-211.

Azjen, I. (2002). Perceived behavioral control, self–efficacy, locus of control and the theory of planned behavior. *Journal of applied social psychology*, *32*(4), 665-683.

Boschee, J. & McClurg, J. (2003). *Toward a better understanding of social entrepreneurship: Some important distinctions*. Ohio Provider Resource Association. 6: 1-6.

Bryant, M. (2006). Talking About Change: Understanding Employee Responses through Qualitative Research. *Management Decision*, *44*(2), 246-258.

Creswell, J. W. (2013). *Steps in conducting a scholarly mixed methods study*. University of Nebraska.

Drucker, P. F. (1985). *Innovation and entrepreneurship: practice and principles*. New York: Harper Collins.

Hian, H. C. (1996). Testing hypotheses of entrepreneurship characteristic. *Journal of management psychology, 11*(3), 12-15.

Hisrich, R. D., Peters, M. P. & Shepherd, D. A. (2008). *Entrepreneurship*. Singapore: McGraw- Hill.

Jariah, M. (1998). Cabaran sosial, kebudayaan dan politik dalam pembangunan usahawan wanita luar bandar*. International Seminar on Entrepreneurship Development for Rural Women and Poverty Alleviation.*

Kaplan, J. M. (2011). *Getting started in entrepreneurship*. University of Texas Press.

Kamus Dewan. (2010). Edisi ke-4. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Lüthje C. & Frank, N. (2003). The Making of an Entrepreneur, Testing a Model of Entrepreneurial Intent Among Engineering Students at MIT. *R&D Management*, *33*(2), 135-147.

Mohd Salleh, D., Hoe Chee, H., Norashidah, H., Ooi Yeng, K., Shuhymee, A., Habshah, B., Norita, D., Rosli, M., Armanurah, M., Lily Julienti, A.B. & Mohamad Nasri, M. (2005). *Asas Keusahawanan*. Kuala Lumpur: Prentice Hall.

Nadzri, S., & Yaacob, S. E. (2019). Ciri-Ciri Akhlak Usahawan Muslim Berjaya dan Hubungannya dengan Cara Pengembangan Harta serta Matlamat Hidup Menurut Perspektif Al-Qur'an. *Journal of Contemporary Islamic Law*, *4*(1), 8-17.

Nagarathanam, R. A. (2015). *Hubungan Sikap, Pemikiran dan Tingkah Laku Terhadap Keinginan dalam Pemilihan Kerjaya Keusahawanan dalam Kalangan Prasiswazah India di Institut Pengajian Tinggi Sekitar Bangi*. [Master's Thesis], Universiti Kebangsaan Malaysia.

Norasmah, O. & Salmah, I. (2011). Kecenderungan terhadap pemilihan kerjaya keusahawanan mengikut persepsi peserta skim usahawan siswa. *Jurnal Teknologi*, 56, 47-63.

Peterman, N. E. & Kennedy, J. (2003), Enterprise education: influencing students'perceptions of entrepreneurship. *Entrepreneurship Theory and Practice*, *28*(2), 129-144.

Rajamanickam, S. (2003). *Potensi keterlibatan pelajar kejuruteraan elektrik semester akhir KUiTTHO dalam bidang keusahawanan*. [Doctoral dissertation], Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.

Ravi, N. & Nagarathanam, L. (2015). *Hubungan Sikap, Pemikiran Dan Tingkah Laku Terhadap Keinginan Dalam Pemilihan Kerjaya Keusahawanan Dalam Kalangan Prasiswazah India Di Institut Pengajian Tinggi Sekitar Bangi*. Universiti Kebangsaan Malaysia.

© 2023 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Wan Mahmood, W. B, Khairuddin, I., Bahaman, A. S. & Zoharah, O. (2016). Teori Tingkah Laku Berencana dan Tingkah Laku Menyokong Perubahan: Satu Sorotan. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, *1*(4), 27-36.

Wickham, P. A. (2004). *Strategic entrepreneurship. Edisi ke-3*. Harlow: Prentice Hall.

Zaidatol, A. L. P. & Hisyamuddin, H. (2010). *Memperkasa tekad keusahawanan pelajar*. Serdang: Penerbit Universiti Putera Malaysia.

© 2023 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).